

PERBARISAN BULANAN KETUA CAWANG MATERIEL PANGKALAN UDARA KUCHING

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2954-perbarisan-bulanan-ketua-cawang-materiel-pangkalan-udara-kuching-2

KUCHING, 18 Jan 18 - Perbarisan bulanan Ketua Cawang Materiel telah diadakan di Fleet Kenderaan PU Kuching. Perbarisan diketuai oleh Lt M Mohamad Norahakkim bin Ma'in TUDM. Perbarisan diteruskan dengan majlis pemakaian pangkat yang disempurnakan oleh Ketua Cawang Material, Mej Omar Zai bin Abas TUDM. Dalam ucapannya, beliau memperingatkan semua pegawai dan anggota agar memberi keutamaan bagi mengekalkan kecemerlangan dalam perkhidmatan dan memberi penekanan terhadap aspek 3D (Dadah, Dera, Daesh). Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Fleet Kenderaan apabila berjaya mengekalkan sasaran 'Zero Accident' pada tahun 2017. Dalam perbarisan itu beliau juga turut memberikan sumbangan kepada anggota yang baru mendapat cahaya mata serta yang baru melangsungkan perkahwinan.

